**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA**
**SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)**
**MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KE-25 (3/2022) SECARA DALAM TALIAN**

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 19 Julai 2022 (Selasa) |
| Masa | : | 9.30 pagi |
| Platform | : | secara dalam talian menerusi aplikasi *Zoom Meeting* |
| Kehadiran | : | seperti di **Lampiran A** |

| Minit | Agenda | Tindakan/ Makluman |
|---|---|---|
| **25.1** | **Aluan Pengerusi**<br><br>Pengerusi memulakan mesyuarat dengan bacaan ummul kitab Al-fatihah dan seterusnya mengalu-alukan kehadiran Penasihat dan Ahli Jawatankuasa Kerja ke Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali ke-25 (3/2022) secara dalam talian melalui Aplikasi *Zoom Meeting.* | **Makluman** |
| **25.2** | **Pengesahan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali ke-23 & Ke-24 (Khas) Secara Dalam Talian**<br><br>Mesyuarat mengambil maklum dan mengesahkan dua (2) minit mesyuarat berikut tanpa pindaan, iaitu:<br><br>(a) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Ke-23 (1/2022) secara dalam talian pada 15 Februari 2022; dan<br><br>(b) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Ke-24 (Khas) (2/2022) secara dalam talian pada 04 April 2022. | **Makluman** |

| Minit | Agenda | Tindakan/ Makluman |
|---|---|---|
| 25.3 | **Perkara Berbangkit**<br><br>(a) Mesyuarat meneliti perkara-perkara berbangkit hasil Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali ke-23 dan Ke-24 (Khas) adalah sebagaimana **Laporan Agenda 3.0** yang dibentang.<br><br>(b) Mesyuarat mengambil maklum berhubung dua (2) perkara berbangkit untuk makluman dan tindakan oleh pasukan ISMS yang terlibat iaitu:<br><br>(i) Minit 23.3 (b) (iii) – meminta supaya peneraju proses terlibat mengambil tindakan segera ke atas penemuan OFI Audit Dalaman Tahun 2021 yang masih belum ditutup. Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa pihak peneraju telah membuat permohonan menaiktaraf Sistem Penilaian Pengajaran (BlastTA) bagi tujuan penutupan OFI dan sedang dalam tindakan pihak iDEC.<br><br>(ii) Minit 24.2 (i) – mengambil maklum justifikasi penurunan bilangan aset kategori 'people' dan 'hardware' bagi penilaian risiko Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti semakan Mac 2022 adalah disebabkan oleh pengurangan bilangan Pentadbir *Putra Learning Hub* (PLH) yang dinamakan semula oleh PTJ. | <br><br>**Makluman**<br><br><br><br><br><br><br><br>**Ketua Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti**<br><br>**Makluman** |
| 25.4 | **Laporan Objektif Keselamatan Maklumat**<br><br>(a) Mesyuarat mengambil maklum Laporan Pencapaian Objektif ISMS bagi tempoh Januari hingga Jun 2022 adalah sebagaimana **Laporan Agenda 4** yang dibentangkan semasa mesyuarat.<br><br>(b) Mesyuarat mengambil maklum satu (1) objektif telah mencapai sasaran manakala tiga (3) objektif ISMS belum dapat diukur disebabkan aktiviti pengukuran sedang berjalan/ belum mencapai tempoh tindakan.<br><br>(c) Mesyuarat mengambil maklum ringkasan pencapaian objektif ISMS tahun 2022 adalah seperti berikut: | <br><br>**Makluman**<br><br><br><br>**Makluman**<br><br><br><br>**Makluman** |

<table>
<tr><th>Minit</th><th>Agenda</th><th>Tindakan/ Makluman</th></tr>
<tr><td></td><td>
<table>
<tr><th>Bil</th><th>Kenyataan Objektif</th><th>Sasaran & Pencapaian</th><th>Peneraju ISMS</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Memastikan tahap keyakinan pelajar baharu terhadap keselamatan maklumat semasa proses pendaftaran</td><td>80% (UPM Serdang dan Bintulu)/ Belum Dapat Diukur</td><td>Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Serdang dan Bintulu)</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Memastikan ketersediaan aplikasi Sistem Maklumat Pelajar (SMP) untuk urusan pendaftaran pelajar</td><td>95% / Belum Dapat Diukur</td><td>Pasukan Pusat Data</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Memastikan ketersediaan aplikasi Penilaian Pengajaran (BlastTA) untuk urusan penilaian pengajaran</td><td>95% / 99.862%</td><td>Pasukan Pusat Data</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>Memastikan keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran berada pada tahap baik</td><td>80% / Belum Dapat Diukur</td><td>Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti</td></tr>
</table>
<br>
(d) Mesyuarat mengambil maklum objektif di bawah peneraju Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang dan Bintulu hanya dapat diukur selepas sesi Pendaftaran Pelajar Diploma UPMKB pada 1 hingga 2 Ogos 2022 dan Pendaftaran Pelajar Bacelor pada 6 Oktober 2022. Bagi Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti pula pengukuran belum dapat dibuat disebabkan proses penilaian pengajaran sedang berjalan bermula 30 Mei hingga 14 Julai 2022.
</td><td>Makluman</td></tr>
</table>

| Minit | Agenda | Tindakan/ Makluman |
|---|---|---|
| **25.5** | **Laporan Penyata Pemakaian (Statement of Applicability (SoA)) & Dokumentasi ISMS** | |
| | (a) Mesyuarat mengambil maklum Laporan Penyata Pemakaian (SoA) dan Dokumentasi ISMS adalah sebagaimana **Laporan Agenda 5.0** yang dibentang. | **Makluman** |
| | (b) Mesyuarat mengambil maklum berhubung pemakaian dokumen rujukan ISMS yang terkini melalui paparan eISO UPM dengan tarikh kemaskini 1 Disember 2021 iaitu:<br><br>(i) Dokumen Rujukan Pelaksanaan ISMS; dan<br>(ii) Dokumen Penyata Pemakaian (SoA). | **Makluman** |
| | (c) Mesyuarat turut mengambil maklum pemakaian enam (6) dokumen Skop Operasi Perkhidmatan Sokongan ISMS yang terkini dengan tarikh kuatkuasa 30 Jun 2022 adalah sepertimana pada paparan eISO UPM. | **Makluman** |
| | (d) Mesyuarat meminta semua pasukan ISMS memastikan dokumen yang terkini dirujuk dalam pelaksanaan operasi ISMS di peringkat pasukan masing-masing. | **Semua Ketua Pasukan ISMS** |
| **25.6** | **Laporan Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat** | |
| | (a) Mesyuarat mengambil maklum berhubung Laporan Pelaksanaan Penilaian Risiko ISMS Tahun 2022 adalah sebagaimana dinyatakan di **Laporan Agenda 6.0** yang dibentang. | **Makluman** |
| | (b) Mesyuarat dimaklumkan Laporan Penilaian Risiko Semakan Mac 2022 ini telah dibawa dan disahkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS Kali ke-24 (Khas) pada 04 April 2022 untuk dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM Kali ke-54. | **Makluman** |

| Minit | Agenda | Tindakan/ Makluman |
|---|---|---|
| | (c) Mesyuarat turut mengambil maklum berhubung cadangan bagi menjamin kelangsungan proses penilaian risiko ISMS UPM ekoran penerimaan surat pemakluman daripada Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) bertarikh 6 April 2022 yang menyatakan bahawa Sistem MyRAM tidak lagi diselenggara dan akan dihentikan penggunaannya selepas 31 Mei 2022. Antara cadangan yang boleh dipertimbangkan oleh UPM adalah seperti berikut:<br><br>(i) Mendapatkan s*ource code* Aplikasi MyRAM untuk diimplementasikan semula oleh UPM;<br><br>(ii) Mendapatkan *database* berkaitan untuk implementasi semula bersama *source code* MyRAM; dan<br><br>(iii) Mendapatkan alternatif cadangan perisian/perkhidmatan SAS atas talian yang dapat menjalankan fungsi yang sama sepertimana system MyRAM dan memenuhi keperluan ISMS. | **Makluman** |
| | (d) Mesyuarat dimaklumkan berdasarkan maklumat awal yang diperolehi oleh Penyelaras ISMS UPM, MAMPU selaku badan yang bertanggungjawab menyelenggara MyRAM masih ingin mengekalkan operasi dan sedang dalam proses untuk menaiktaraf sistem MyRAM. | **Makluman** |
| | (e) Mesyuarat seterusnya meneliti dan bersetuju dengan cadangan tindakan berikut:<br><br>(i) Mendapatkan maklum balas bertulis berhubung makluman awal pihak MAMPU bahawa mereka akan meneruskan dan menaiktaraf Sistem MyRAM sebagai jaminan bagi membolehkan UPM terus menggunapakai sistem ini;<br><br>(ii) UPM perlu bersedia dengan metodologi baharu bagi pelaksanaan penilaian risiko ISMS. Pihak iDEC akan meneliti kaedah baharu yang bersesuaian bagi mewujudkan metodologi penilaian risiko ISMS UPM; dan | **TWP ISMS, Penyelaras Penilaian Risiko ISMS UPM & CQA** |

<table>
<tr><th>Minit</th><th>Agenda</th><th>Tindakan/ Makluman</th></tr>
<tr><td></td><td>(iii) Menamatkan pensijilan ISMS UPM dan memperkasakan QMS atau sebaliknya dan hanya menumpukan kepada satu pensijilan ISO yang lebih komprehensif. Perkara ini perlu diperhalusi secara bersama dengan pihak yang berkaitan.</td><td></td></tr>
<tr><td>25.7</td><td>Laporan Status Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat Setiap Pasukan ISMS<br><br>(a) Mesyuarat mengambil maklum laporan pelaksanaan 22 aktiviti Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat yang disediakan oleh empat (4) Pasukan ISMS bagi tempoh Februari hingga Jun 2022 adalah seperti di Laporan Agenda 7.0 yang dibentang semasa mesyuarat.<br><br>(b) Mesyuarat meminta supaya setiap pasukan membuat pemantauan secara berkala terhadap perancangan dan pelaksanaan aktiviti tahunan ISMS pasukan masing-masing bagi membantu kelancaran pelaksanaan ISMS secara keseluruhan di UPM.</td><td>Makluman<br><br>Semua Ketua Pasukan ISMS</td></tr>
<tr><td>25.8</td><td>Hal-Hal Lain<br><br>25.8.1 Statistik Penemuan Audit Dalaman ISMS Tahun 2022<br><br>(a) Mesyuarat mengambil maklum dan perhatian berhubung Statistik Penemuan Audit Dalaman ISMS Tahun 2022 sepertimana pada Laporan Agenda 8.1 yang dibentang. Penemuan hasil audit dalaman ISMS yang dijalankan bermula April hingga Jun 2022 di semua peneraju/entiti ISMS telah merekodkan sebanyak satu (1) NCR dan 21 OFI secara keseluruhan. Pecahan mengikut PTJ terlibat adalah seperti berikut:<br><br><table><tr><th>PTJ</th><th>NCR</th><th>OFI</th></tr><tr><td>iDEC</td><td>-</td><td>5</td></tr><tr><td>KC</td><td>1</td><td>3</td></tr><tr><td>PKU</td><td>-</td><td>2</td></tr><tr><td>FP</td><td>-</td><td>2</td></tr><tr><td>PPKKP</td><td>-</td><td>2</td></tr><tr><td>BKAD</td><td>-</td><td>1</td></tr></table></td><td>Makluman</td></tr>
</table>

| Minit | Agenda | Tindakan/ Makluman |
|---|---|---|

| PTJ | NCR | OFI |
|---|---|---|
| KTDI | - | 1 |
| KOSASS | - | 1 |
| K14 | - | 1 |
| CADe | - | 1 |
| FHAS | - | 1 |
| FRSB | - | 1 |
| **JUMLAH** | **1** | **21** |

(b) Mesyuarat meminta semua pasukan ISMS/entiti terlibat mengambil tindakan untuk input maklum balas pelan tindakan penemuan Audit Dalaman Tahun 2022 melalui Portal Jaminan Kualiti (PortalCQA) dalam tempoh 21 hari bekerja daripada tarikh pemakluman pengesahan penemuan oleh pihak CQA.

**Semua Ketua Pasukan ISMS**

**25.8.2 Laporan Pelaksanaan Soal Selidik Pihak Berkepentingan ISMS Tahun 2022**

(a) Mesyuarat mengambil maklum berhubung Status Pelaksanaan Soal Selidik Pihak Berkepentingan ISMS Tahun 2022 adalah sepertimana pada **Laporan Agenda 8.2** yang dibentang.

**Makluman**

(b) Mesyuarat mengambil maklum laporan analisis soal selidik ISMS akan dikemukakan selepas proses pelaksanaannya lengkap seperti berikut:

**Makluman**

(i) Soal Selidik Keselamatan Maklumat Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Sesi Kemasukan 2022/2023 akan dilaksanakan pada 1 hingga 2 Ogos 2022 (Pelajar Diploma) dan 6 Oktober 2022 (Pelajar Bacelor); dan

(ii) Soal Selidik Keselamatan Maklumat Penilaian Pengajaran Prasiswazah Semester Kedua Sesi 2021/2022 sedang dalam proses tindakan bermula 30 Mei hingga 14 Julai 2022.

| Minit | Agenda | Tindakan/ Makluman |
|---|---|---|
| **25.9** | **Penangguhan Mesyuarat**<br><br>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi. | |

**Lampiran A**

---

**SENARAI KEHADIRAN**
**MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KE-25 (3/2022)**
**SECARA DALAM TALIAN**

---

1. Ts. Shahril Iskandar Amir (Timbalan Wakil Pengurusan ISMS) **- Pengerusi**
2. Ts. Mohd Faizal Daud (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
3. Puan Haslida Hassan (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
4. Encik Abdullah Arshad (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)
5. Encik Nuruliman Ibrahim (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)
6. Encik Noor Hakim Ahmad (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu)
7. Encik Sudirman Asmadi (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu)
8. Ts. Mohamad Farid Harun (Ketua, Pasukan Pusat Data)
9. Puan Yasminani Mohamad (Timbalan Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti)
10. Encik Wan Hafizi Wan Umar (Penyelaras Penilaian Risiko ISMS)
11. Puan Shamriza Shari (Penyelaras ISMS) **- Setiausaha**

**<u>TURUT HADIR</u>**

1. Encik Mohd Amaludin Salleh (Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu)
2. Encik Adidi Tamin (Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)
3. Puan Kasmaria (Urusetia Pusat Jaminan Kualiti)

**<u>TIDAK HADIR (DENGAN KENYATAAN)</u>**

1. Dato’ Haji Rosdi Wah (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
2. Encik Ahmad Nizam Abdullah (Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti)
3. Ts. Rostam Abu Bakar (Timbalan Ketua, Pasukan Pusat Data)